



KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI MALAYSIA

---

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 5 TAHUN 2006

---

**SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN PENSYARAH**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk **menjelaskan syarat-syarat tambahan pengesahan dalam perkhidmatan Pensyarah.**

**LATARBELAKANG**

2. Pelaksanaan syarat-syarat tambahan ini telah mendapat kelulusan **Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) yang bermesyuarat pada 23 Ogos 2006** dan dimantapkan pada 3 Oktober 2006.
3. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Pengajaran & Pembelajaran Bil.1/2006 bertarikh 8 Februari 2006 telah mempersetujui bahawa Kursus Pengajaran dan Pembelajaran diwajibkan kepada staf akademik baru terutama Pensyarah Gred DS45. Mereka hendaklah lulus kursus tersebut sebagai salah satu syarat pengesahan dalam perkhidmatan **mulai 1 Jun 2005.**
4. Pelaksanaan syarat tambahan ini adalah untuk meningkatkan kualiti pensyarah dan melahirkan modal insan kelas pertama yang mencakupi pengetahuan, kemahiran, sahsiah diri dan sumbangan kepada organisasi, masyarakat dan negara.

## SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

5. Syarat-syarat tambahan yang diluluskan adalah seperti berikut;
- a. Hadir dan lulus dengan sempurna Kursus Pembelajaran dan Pengajaran di KUKTEM
  - b. Penulisan dalam mana-mana yang berikut;
    - i. Satu (1) artikel dalam bidangnya samada penerbitan dalam atau luar universiti **atau**
    - ii. Satu (1) Buku Penulisan dalam bidangnya **atau**
    - iii. Dua (2) kertaskerja dalam bidangnya
  - c. Penyelidikan – sekurang-kurangnya terlibat dalam satu penyelidikan yang didaftarkan dengan Pusat Pengurusan Penyelidikan
  - d. Mendapat Markah Penilaian Prestasi ;
    - i. 85% ke atas bagi tahun pertama atau
    - ii. 80% ke atas bagi tahun kedua atau
    - iii. 75% ke atas bagi tahun ketiga
6. Syarat-syarat yang sebelum ini seperti melalui tempoh percubaan 1 hingga 3 tahun, hadir dan lulus Kursus Induksi (Modul Umum & Khusus) serta perakuan dari Ketua Jabatan adalah dikekalkan. Semua pensyarah yang dilantik ke KUKTEM, samada gred DS45/51/53 adalah tertakluk kepada syarat tambahan ini.

## KUATKUASA

7. Peraturan bagi syarat **para 5(a)** ini berkuatkuasa bagi pensyarah yang melapor diri **pada atau selepas 1 Jun hingga 31 Disember 2005**. Manakala **syarat para 5(a), (b), (c) dan (d)** berkuatkuasa bagi pensyarah yang melapor diri **pada atau selepas 1 Januari 2006**.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas,

  
(HAJI SA'UDI BIN HAJI AHMAD)  
PENDAFTAR

Tarikh : 06 OCT 2006